

Bil. S 14

**AKTA MAHKAMAH BESAR
(PENGAL 5)**

**ATURAN-ATURAN DARI ATURAN-ATURAN MAHKAMAH BESAR
(PINDAAN), 2017**

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

1. Gelaran
 2. Pindaan Perintah 5 A1 dari Pengal 5
 3. Pindaan Perintah 10
 4. Pindaan Perintah 21
 5. Pindaan Lampiran A
-

**AKTA MAHKAMAH BESAR
(PENGAL 5)**

**ATURAN-ATURAN DARI ATURAN-ATURAN MAHKAMAH BESAR
(PINDAAN), 2017**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 12 dari Akta Mahkamah Besar, maka Hakim-Hakim Mahkamah Besar, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

Gelaran

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan dari Aturan-Aturan Mahkamah Besar (Pindaan), 2017.

Pindaan Perintah 5 A1 dari Pengal 5

2. Perintah 5 dari Aturan-Aturan Mahkamah Besar, dalam Aturan-Aturan ini disebut sebagai Aturan-Aturan utama, adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas aturan 1 aturan baru yang berikut —

“Prosiding berkaitan dengan tindakan dll. diberhentikan

1A. Tiada prosiding baru boleh dimulakan di bawah Perintah ini, berkaitan dengan suatu tindakan, guaman atau perkara yang dianggap telah diberhentikan di bawah Perintah 21, aturan 2(5) atau (6).”.

Pindaan Perintah 10

3. Perintah 10 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 1(4), dengan memotong “after service the person serving it indorses on it” dari baris-baris kedua dan ketiga dan menggantikannya dengan “within 8 days after service the plaintiff files a memorandum of service in Form 10A containing”.

Pindaan Perintah 21

4. Perintah 21 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda —

(a) dalam aturan 2, dengan menambah enam perenggan baru yang berikut —

“(5) Suatu tindakan yang dimulakan dengan writ adalah dianggap telah diberhentikan terhadap defendan jika memorandum penyampaian yang disebut dalam Perintah 10, aturan 1(4) tidak difailkan berkaitan dengan penyampaian writ tersebut kepada defendan itu dalam tempoh 6 bulan selepas kesahan writ itu bagi

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

maksud penyampaian telah tamat tempohnya, dan dalam tempoh masa itu —

(a) suatu memorandum kehadiran belum difailkan dalam tindakan tersebut oleh defendan itu; dan

(b) penghakiman belum diperolehi dalam tindakan tersebut terhadap defendan itu berkaitan dengan keseluruhan atau mana-mana bahagian relief yang dituntut terhadap defendan itu dalam tindakan tersebut.

(6) Tertakluk kepada perenggan (7), jika tiada pihak dalam suatu tindakan atau guaman atau perkara telah, selama lebih daripada satu tahun (atau tempoh lanjutan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Mahkamah di bawah perenggan (8)), mengambil apa-apa langkah atau prosiding dalam tindakan, guaman atau perkara yang terdapat dalam rekod-rekod yang diselenggarakan oleh Mahkamah, maka tindakan, guaman atau perkara itu adalah dianggap telah diberhentikan.

(7) Perenggan (6) tidak dikenakan jika tindakan, guaman atau perkara itu telah ditangguhkan menurut suatu perintah mahkamah.

(8) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak yang dibuat sebelum satu tahun yang disebut dalam perenggan (6) telah luput, melanjutkan masa itu setakat mana yang mungkin difikirkannya patut.

(9) Perenggan (6) dikenakan kepada suatu tindakan, guaman atau perkara, sama ada ia dimulakan sebelum, pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Aturan-Aturan dari Aturan-Aturan Mahkamah Besar (Pindaan), 2017, tetapi jika prosiding terakhir dalam tindakan, guaman atau perkara itu dijalankan sebelum 1hb Januari 2017, tempoh satu tahun itu hanya akan bermula pada 1hb Januari 2017.

(10) Jika suatu tindakan, guaman atau perkara telah diberhentikan di bawah perenggan (5) atau (6), Mahkamah boleh, atas permohonan, menghidupkan semula tindakan, guaman atau perkara itu dan membenarkannya untuk diteruskan atas terma-terma sebagaimana yang difikirkannya adil.

(11) Bagi mengelakkan keraguan, tiada prosiding baru boleh dimulakan di bawah Perintah 5, berkaitan dengan suatu tindakan, guaman atau perkara yang dianggap telah diberhentikan di bawah perenggan (5) atau (6).”;

(b) dalam aturan 4, dengan memasukkan “or is deemed to have discontinued” sejurus selepas “discontinued” dalam baris kedua; dan

/c/ dalam aturan 5, dalam perenggan (1), dengan memasukkan “or is deemed to have discontinued” sejurus selepas “discontinued” dalam baris pertama.

Pindaan Lampiran A

5. Lampiran A kepada Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan memasukkan butiran baru yang berikut —

“Bil. 10A

MEMORANDUM PENYAMPAIAN
(Tajuk seperti dalam tindakan)

P.10, A.1.

Tarikh:

Kepada: Pendaftar.

Writ saman ini disampaikan kepada —
Nama orang yang disampaikan:

Sifat orang yang atasnya disampaikan: (Defendan)
(atau sebagaimana yang berkenaan).

Pada: (Hari, tarikh dan masa penyampaian).

Di: (Tempat penyampaian).

Cara penyampaian: (Nyatakan bagaimana penyampaian dibuat).
(Dikeluarkan oleh: (Peguam cara bagi).”.

Diperbuat pada hari ini 30 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1438
bersamaan dengan 27 haribulan Februari, 2017.

DATO SERI PADUKA HAJI KIFRAWI BIN
DATO PADUKA HAJI KIFLI
Ketua Hakim.